

29

SOALAN NO: 19

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK AARON AGO ANAK DAGANG  
[KANOWIT]**

**TARIKH : 17 MAC 2015 (SELASA)**

**SOALAN:**

**Datuk Aaron Ago Anak Dagang [ Kanowit ] minta PERDANA MENTERI menyatakan projek-projek infrastruktur dan peruntukannya yang telah diluluskan oleh Kerajaan Pusat untuk Negeri Sarawak dalam tahun 2015.**

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan pembangunan Kerajaan Persekutuan yang disalurkan kepada Negeri Sarawak pada tahun 2015 adalah sebanyak RM3.104 bilion. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM1.766 bilion atau 57 peratus akan diperuntukkan untuk membina dan menaik taraf program/projek infrastruktur. Program/projek infrastruktur yang terlibat antaranya termasuk bekalan air dan elektrik di luar bandar; pembinaan jalan dan jambatan; pembentungan; projek tebatan banjir dan menaik taraf lapangan terbang di Miri, Sarawak. Maklumat terperinci mengenai program/projek infrastruktur tersebut adalah seperti di jadual berikut:

Bekalan Air	483,529,999	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bekalan Air Luar Bandar Negeri Sarawak</li> <li>• Pembinaan Empangan Bengoh Kuching Sarawak</li> <li>• SCORE - Bekalan Air Samalaju</li> </ul>
Bekalan Elektrik	416,647,204	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bekalan Elektrik Luar Bandar Negeri Sarawak</li> <li>• Bekalan Elektrik Sekolah Luar Bandar di Sarawak</li> </ul>
Jalan Raya dan Jambatan	770,465,636	<ul style="list-style-type: none"> <li>• SCORE: Jalan Akses ke Tapak Empangan Murum, Kapit</li> <li>• Jalan Song/ Sungai Yong (Seksyen C - 5/3) Fasa 3, Kapit, Sarawak</li> <li>• Pembinaan Jambatan Batang Sadong, Kampung Buloh, Samarahan Sarawak</li> </ul>
Pembentungan	7,000,000	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Loji Rawatan Kumbahan Serantau dan Rangkaian Paip Pembentungan Miri (Fasa 1)</li> </ul>
Alam Sekitar	25,933,721	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rancangan Tebatan Banjir Pelbagai Bahagian (Negeri Sarawak)</li> <li>• Rancangan Tebatan Banjir Sibu Fasa 2</li> <li>• Projek Mencegah Hakisan Pantai Kabong, Bahagian Betong, Sarawak</li> </ul>
Penerbangan Awam	40,000,000	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Projek Menaik Taraf Lapangan Terbang Miri - Pembesaran Apron Dan Laluan Teksi</li> </ul>
Pertanian	22,280,000	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Projek Pembinaan Jalan Masuk ke Ladang Getah</li> </ul>

Sekian, terima kasih.